



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SEJARAH PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA
ZAMAN KOLONIAL BRITISH
DI NEGERI PERAK,
1900 -1941**

PHUN LEE LEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **15** (hari bulan) **SEPTEMBER** (bulan) **2020**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **PHUN LEE LEE, P20112001560, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI)** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **SEJARAH PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA ZAMAN KOLONIAL BRITISH DI NEGERI PERAK, 1900-1941** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR KHAIRI BIN ARIFFIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **SEJARAH PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA ZAMAN KOLONIAL BRITISH DI NEGERI PERAK, 1900-1941** (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13/10/2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN

KERTAS PROJEK

DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk/*Title*: SEJARAH PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA ZAMAN KOLONIAL BRITISH DI NEGERI PERAK, 1900 -1941.

No. Matrik /*Matric's No.*: P20112001560

Saya / *I*: PHUN LEE LEE
(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis (Kedoktoran) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:- *acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 13/10/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan atas kejayaan menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya berasa sangat gembira dan juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia pensyarah saya Profesor Madya Dr. Khairi Bin Ariffin yang sentiasa memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang terbaik kepada saya. Beliau membimbang penuh dengan kesabaran dan sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan penulisan tesis saya. Tidak lupa juga kepada penyelia pensyarah kedua saya Profesor Madya Dr. Adnan Bin Jusoh, Dr. Azharudin Bin Mohamed Dali dan semua pensyarah yang juga kesanggupan memberi tunjuk ajar, memberi pandangan, kritikan dan penambahbaikan dalam menghasilkan tesis ini. Hanya Tuhan sahaja yang boleh membalas jasa kepada semuanya.

Terima kasih kepada kakitangan dan pegawai-pegawai yang bertugas di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur yang memberi bantuan sempurna dengan mengemukakan bahan-bahan kajian yang diperlukan demi dapat melengkapkan tesis ini. Selain itu, kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Zaba' Universiti Malaya dan Dong Jiao Zong yang juga telah memberi kemudahan untuk saya membuat penyelidikan. Di sini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Kepada ibu saya yang disayangi dan dihormati, Fan Loke Man yang sentiasa diingati dalam hati saya walaupun beliau telah meninggal dunia sejak pada tahun 2008, tanpa beliau sudah pastinya saya tidak boleh berjaya dalam kehidupan belajar saya. Ibuku yang disayangi, inilah hadiah yang saya boleh mempersembahkan demi membala jasa baik ibu yang sanggup menyara saya selama 30 tahun. "*I Love You Forever, Mummy*".





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sejarah pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak dari tahun 1900 sehingga 1941. Kajian ini merupakan kajian sejarah yang dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan manuskrip. Sumber primer dan sekunder digunakan secara ekstensif. Antara sumber primer yang digunakan termasuklah rekod dan fail-fail kolonial British, Laporan Tahunan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Perak *Gazette*, fail-fail Pejabat Tanah Jajahan British, laporan tahunan dan fail-fail kerajaan kolonial British di Perak. Penggunaan sumber sekunder turut menguatkan hujah yang disampaikan dalam kajian ini termasuklah dalam bentuk buku, artikel, kertas kerja seminar, tesis, koleksi keratan akhbar dan majalah sekolah-sekolah Cina di negeri Perak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan kolonial British telah menarik ramai kemasukan orang Cina ke negeri Perak terlibat dalam kegiatan dan aktiviti perlombongan. Fokus dan perbincangan ditumpukan kepada sejarah latar belakang masyarakat Cina di negeri Perak dan pembangunan pendidikan vernakular Cina zaman kolonial British di negeri Perak. Kajian ini juga menunjukkan kerajaan kolonial British melaksanakan dasar campur tangan terhadap pendidikan vernakular Cina zaman kolonial British di negeri Perak dengan melaksanakan Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920. Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa orang-orang Cina di bawah pentadbiran kolonial British bergiat aktif dalam memperjuangkan pendidikan vernakular Cina zaman sehingga tahun 1941. Implikasi kajian amat penting dalam membuktikan bahawa penglibatan komuniti Cina di negeri Perak telah memberi sumbangan yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan vernakular Cina walaupun tanpa bantuan kewangan daripada pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak pada era kolonial tersebut.





THE HISTORICAL CHINESE VERNACULAR EDUCATION DURING THE BRITISH COLONIAL PERIOD IN THE STATE OF PERAK, 1900-1941

ABSTRACT

The purpose of this research to identify the history of Chinese vernacular education during the British colonial period in the state of Perak from year 1900 until 1941. This research is a historical study conducted using a qualitative approach through document and manuscript analysis methods. Primary and secondary sources are used extensively. Some of the primary and secondary sources used include British colonial files, Federated Malay States Annual Report, Perak Government Gazette, Colonial Office Records, and Annual Report of Perak Government. The use of secondary sources also reinforces the arguments presented in the study, including books, articles, seminar work, thesis and newspaper press collections and Chinese school magazines in the state of Perak. Research findings show that the British colonial government has attracted a large influx of Chinese people to Perak engaged in mining activities. The discussion focusses on the historical background of the Chinese community in the state of Perak and the development of Chinese vernacular education during the British colonial period in the state of Perak. This study also showed that the British colonial government implemented policies of intervention on Chinese vernacular education during the British colonial period in the state of Perak by implementing the School Registration Ordinance 1920. In conclusion, this research shows that Chinese people under the administration British colonial were very active in pursuing Chinese vernacular school through the years until 1941. The implications of the study are crucial in proving that involvement Chinese community has contributed significantly to the teaching and learning of Chinese vernacular education even without any financial assistance from the British colonial government in the state of Perak during the British colonial era.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
-------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI SINGKATAN	xii
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xiii
-------------------------	------



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	11
---------------------------	----

1.3 Pernyataan Masalah	18
------------------------	----

1.4 Objektif Kajian	21
---------------------	----

1.5 Persoalan Kajian	24
----------------------	----

1.6 Kepentingan Kajian	24
------------------------	----

1.7 Batasan Kajian	27
--------------------	----

1.8 Tinjauan Literatur	30
------------------------	----

1.9 Metodologi Kajian	45
-----------------------	----

1.10 Definisi Istilah	47
-----------------------	----

1.11 Pembahagian Bab	48
----------------------	----



**BAB 2 : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA**

2.1 Pendahuluan	51
2.2 Latar Belakang Kedatangan Orang Cina ke Negeri Perak	54
2.3 Pendidikan Vernakular Cina di Negeri Perak	77
2.4 Perkembangan Sekolah Vernakular Cina	83
2.5 Struktur Pentadbiran	98

BAB 3 : DASAR BRITISH

3.1 Pendahuluan	102
3.2 Dasar British	107
3.3 Dasar Kewangan dan Bantuan Perkapita Murid	121
3.4 Penubuhan Jabatan	129
3.5 Pengaruh Ideologi Komunis	139

**BAB 4 : INFRASTRUKTUR DAN PENGURUSAN SEKOLAH**

4.1 Pendahuluan	152
4.2 Sistem Pentadbiran	153
4.3 Kewangan Sekolah	170
4.4 Bangunan Sekolah	182
4.5 Pusat Latihan Guru	189

BAB 5 : PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEKOLAH

5.1 Pendahuluan	193
5.2 Kurikulum	194
5.3 Bahasa	209
5.4 Buku Teks	212
5.5 Tenaga Pengajar	222





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

BAB 6 : KESIMPULAN	228
BIBLIOGRAFI	241
LAMPIRAN	251



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Faktor Penghijrahan Orang Cina ke Nanyang di negeri Perak.	66
2.2 Statistik Bilangan Penduduk Orang Cina Di Negeri Perak berdasarkan pada tahun 1879 -1931.	71
2.3 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Batang Padang, Negeri Perak, 1900-1941.	87
2.4 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Manjung, Negeri Perak, 1900-1941.	88
2.5 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Kinta Utara, Negeri Perak, 1874-1941.	89
2.6 Sekolah Vernakular Cina Di Kinta Selatan, Negeri Perak, 1900-1941.	91
2.7 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Kerian, Negeri Perak, 1900-1941.	92
2.8 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Kuala Kangsar, Negeri Perak, 1900-1941.	92
2.9 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Hilir Perak, Negeri Perak, 1900-1941.	93
2.10 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Larut Matang dan Selama, Negeri Perak, 1900-1941.	94
2.11 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Hulu Perak, Negeri Perak, 1900-1941.	95
2.12 Sekolah Vernakular Cina Di Daerah Perak Tengah, Negeri Perak, 1900-1941.	96
2.13 Analisis Sekolah Vernakular Cina Di Negeri Perak Mengikut daerah, 1900-1941.	97
2.14 Struktur Peringkat Sekolah Vernakular Cina, S.R.J.K (C) Yuk Choy, Ipoh dan Sekolah Menengah Yuk Choy, Ipoh, Perak.	100





3.1 Sekolah-Sekolah Vernakular Cina Pada Zaman Kolonial British Pada Tahun 1905 Di Negeri Perak.	112
3.2 Sekolah-Sekolah Vernakular Cina Pada Zaman Kolonial British Pada Tahun 1910 Di Negeri Perak.	114
3.3 Borang permohonan Sekolah Pengarah Pendidikan Vernakular Cina.	126
3.4 Jumlah Peruntukan Bantuan Dan Tiada Bantuan oleh Pihak Kerajaan British Kepada Sekolah Vernakular Cina Di Negeri Perak Pada Tahun 1934 Hingga 1936.	128
3.5 Kaedah Menanda Rekod Kehadiran Murid yang hadir di sekolah Vernakular Cina.	139
4.1 Bilangan Sekolah, Pelajar dan Guru Cina di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1921-1937.	163
4.2 Yuran Sekolah Vernakular Cina Sedia Ada Dan Cadangan Kenaikan Pada Tahun 1930-an Di Negeri Perak.	177
4.3 Peruntukan Pendidikan Bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Dan Peruntukan Sekolah Vernakular Cina di Negeri Perak Pada Tahun 1924 Hingga 1938.	180
5.1 Kandungan Kurikulum di Sekolah-sekolah Vernakular Cina di negeri Perak.	204





SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
AR	Annual Report / Laporan Tahunan
ARCP	Annual Report of The Chinese Protectorate
BMA	British Military Administration
CCAO	Chief Civil Affairs Officer
CO	Colonial Office Records
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
DCCAO	Deputy Chief Civil Affairs Officer
FMS	Federated Malay States
JSEAH	Journal of The South-est Asian History
JSSS	Journal of The South Seas Society
J.W.W.Birch	James Wheeler Woodford Birch
KMT	Kuomintang
MCS	Malayan Civil Service
NNS	Negeri-negeri Selat
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
PKM	Parti Komunis Malaya
PLCSS	Proceedings of The Legislative Council of The Straits Settlements
SCAO	Senior Civil Affairs Officer
S.R.J.K (C)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SSAR	Straits Settlements Annual Report





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
A Gambar 2.1 Kedatangan ramai orang Cina ke Nanyang (Tanah Melayu, negeri Perak) untuk mencari rezeki baru	251
B Gambar 2.2 Buku tiket kredit	252
C Gambar 2.3 Leong Sin Nam melawat tempat lombongnya	253
D Gambar 2.4 Perlombong orang Cina bekerja di lombong negeri Perak	254
E Gambar 2.5 Keadaan tempat tinggal orang Cina di negeri Perak	255
F Gambar 2.6 Ketidakpuasa hati dibuli, orang Cina bangkit menentang	256
G Gambar 2.7 Tiket ahli persatuan Kongsi Gelap "Chee-Hin"	257
H Gambar 3.1 Dr. Sun Yat Sen menubuhkan Tung Meng Hui pada tahun 1905	258
I Gambar 4.1 Kang Yu-Wei	259
J Gambar 4.2 En. Foo Choo Choon (Hu Zhi Chun) sebagai pengasas Lembaga Pengurus Sekolah vernakular Cina S.R.J.K. (C) Yuk Choy (1908-1914)	260
K Gambar 4.3 Lembaga Pengurus Sekolah S.R.J.K (C) Yuk Choy, negeri Perak yang bermula pada tahun 1908-1953	261
L Gambar 4.4 S.R.J.K (C) Yuk Choy, negeri Perak (1910)	262
M Gambar 4.5 En. Foo Choo Choon bersama pelajar-pelajar di depan Sekolah Menengah Yuk Choy, negeri Perak pada tahun 1924.	263
N Gambar 4.6 Batu tanda En. Foo Choo Choon sebagai dermawan tanah sekolah pada abad ke-19 dan terletak di depan pintu utama S.R.J.K (C) Yuk Choy negeri Perak pada tahun 1910	264





O	Gambar 4.7	Batu tanda di depan Sekolah Menengah Yuk Choy, Jalan Kuala Kangsar, negeri Perak pada tahun 1937 sehingga kini	265
P	Gambar 4.8	Batu tanda bilik darjah En. Foo Choo Choon di S.R.J.K (C) Yuk Choy, negeri Perak	266
Q	Gambar 5.1	Buku teks yang digunakan di S.R.J.K.(C) Yuk Choy, negeri Perak.	267
R	Gambar 5.2	Contoh sebuah buku teks Bahasa Cina pada tahun 1940	268
S	Gambar 5.3	Contoh buku teks Pendidikan Sivik pada tahun 1940	269
T	Gambar 5.4	Contoh buku teks Sejarah pada tahun 1940	270
U	Gambar 5.5	Contoh buku teks Bahasa Cina pada tahun 1940	271
V	Gambar 5.6	Sijil tamat pengajian di S.R.J.K (C) Yuk Choy, negeri Perak pada tahun 1933	272
W	Gambar 5.7	Kad Keputusan Peperiksaan di S.R.J.K (C) Yuk Choy, negeri Perak pada tahun 1933	273





BAB 1

PENGENALAN

1.1

Pendahuluan



Sejarah pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941, memilih tajuk kajian berkenaan tersebut adalah kerana terlalu ingin mengetahui lebih lanjut maklumat yang mengenai sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak khasnya. Penyelidik sangat berminat mengenai perkembangan pendidikan yang dibawa oleh nenek moyang kaum orang Cina sendiri semasa zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941. Selain itu, penyelidik turut mendapati bahawa tidak terdapat banyak rujukan atau bahan-bahan dalam bahasa Melayu yang menulis menyentuh tentang tajuk sejarah pendidikan vernakular Cina terutama pada zaman kolonial British di negeri Perak khasnya adalah dikatakan amat kurang.





Di samping itu, negara kita Tanah Melayu yang mempunyai berbilang kaum dan hidup bersama, masing-masing juga mempunyai bahasa penghantar yang berlainan. Namun begitu, penyelidik hanya berfokus kepada kaum orang Cina sahaja. Oleh itu, tujuan utama bagi penyelidik membuat kajian terhadap tajuk yang berkenaan adalah untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan secara terperinci dalam perkembangan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak terutama pada zaman kolonial British bagi tempoh masa yang bermula pada tahun 1900 sehingga pada tahun 1941. Oleh itu, penyelidik mendapati penyelidikan bagi kajian ini sangat menarik dan bermakna untuk mengkaji sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina. Ini adalah kerana negeri Perak merupakan negeri yang sangat istimewa dan juga merupakan negeri yang keempat dicampur tangan oleh pihak kerajaan kolonial British iaitu selepas Pulau Pinang, Singapura dan Melaka (Negeri-Negeri Selat - NNS).



Kemasukan British ke Tanah Melayu bermula dengan pendudukan Pulau Pinang oleh Francis Light melalui satu perjanjian dengan Sultan Kedah pada tahun 1786.¹

Menurut kronologi pada tahun 1786, pihak kerajaan kolonial British berjaya menakluki negeri Pulau Pinang. Seterusnya pada tahun 1819, menduduki Singapura dan pada tahun 1824 negeri Melaka turut dijajah oleh pihak kerajaan kolonial British. Selepas itu, ketiga-tiga negeri ini digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat (NNS) pada tahun 1826² dan diketuai oleh Gabenor pertama iaitu Robert Fullerton dan di bawah pejabat tanah jajahan di London.

¹ Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik Politik Dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm. 5.

² Kementerian Pelajaran Malaysia. (1980). *Pelajaran Di Malaysia 1978*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm. 1.



Selain itu, penubuhan NNS oleh pihak kerajaan kolonial British turut membantu meluaskan pengaruh mereka ke negeri Perak pada tahun 1874 dan kemudiannya ke negeri Selangor pada tahun yang sama juga, manakala pada tahun 1888 pula di negeri Pahang dan Negeri Sembilan pada tahun yang seterusnya iaitu pada tahun 1889. Sehubungan itu, keempat-empat negeri ini telah digabungkan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan dengan secara rasmi adalah pada tarikh 1 Julai 1896.³ Dengan itu, secara rasminya pihak kerajaan kolonial British telah bermula meluaskan perkembangan pengaruh campur tangan secara langsung terhadap keempat-empat negeri tersebut serta memperkenalkan sistem Residen. Pada mulanya, NNMB adalah diketuai oleh Residen Jeneral pertama iaitu Frank Swettenham.

Justeru itu, negeri Perak bukan sahaja merupakan negeri yang keempat dijajah oleh pihak kerajaan kolonial British tetapi juga adalah negeri yang keempat paling besar di Tanah Melayu iaitu selepas negeri Sarawak, Sabah dan Pahang. Negeri Perak mempunyai geografi yang amat strategik. Negeri Perak juga terletak di Semenanjung Malaysia iaitu di sebelah pantai baratnya dalam garis lintang antara 100 hingga 102 juga dalam garisan bujur antara 3 hingga 6. Luas negeri Perak adalah kira-kira 8,110 batu persegi dan panjangnya pula dari utara ke selatan ialah 155.5 batu dan lebarnya pula dari timur ke barat kira-kira 96 batu.⁴

Namun tidak diketahui dengan jelas pada asalnya nama negeri yang kini dipanggil negeri Perak, dan mengapa dipanggil negeri Perak, kemungkinan ini adalah kerana nama tersebut mempunyai kaitan dengan sejenis nama logam. Dan logam tersebut

³ Ibid. hlm.1.

⁴ Abdul Halim Nasir. (1977). *Sejarah Perak, Siri Pertama Zaman Pra-Sejarah hingga Zaman Kedatangan Pengaruh Orang Luar*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia. hlm.3.



mendapati banyak yang terdapat di negeri Perak maka lalu negeri ini dipanggil negeri Perak. Inilah salah satu perkara yang menjadi tandanya sehingga hari ini. Sehingga kini masih tidak ada mana-mana buku sejarah yang menceritakan mengenai tentang asal-usul nama negeri Perak.⁵ Namun begitu, salah satu sebab kemungkinan bijih timah yang banyak terdapat di negeri Perak dan mempunyai lalu kaitan dengan asal-usul nama negeri Perak. Oleh itu, negeri tersebut yang kaya dengan bijih timah maka dikenali sebagai negeri Perak sehingga kini dan merupakan tempat utama yang dikaji oleh penyelidik.

Sebelum tahun 1873, pentadbiran pihak kerajaan kolonial British berusaha mengikuti dasar tidak campur tangan dalam hal-ehwal Negeri-negeri Melayu. Namun begitu, masih selalu terdapat desakan daripada kelompok peniaga-peniaga yang semakin ramai jumlahnya untuk meminta melindung kepentingan mereka di negeri Perak khasnya.

Negeri Perak semakin terancam disebabkan oleh perbalahan dan lain-lain kekacauan persatuan atau kongsi gelap yang mengganggu perniagaan peniaga di negeri Perak.⁶ Oleh itu, perebutan takhta dan perpecahan telah membuka peluang kepada campur tangan asing khususnya kepada pihak kerajaan kolonial British.⁷ Ini merupakan satu berita yang baik kepada pihak kerajaan kolonial British untuk mengambil alih negeri Perak selain daripada NNS.

Sebenarnya, menurut Paul Chang Ming Phang bahawa penglibatan pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak adalah bermula pada tahun November 1873. Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan bijih timah. Bahan mentah bijih

⁵ *Ibid.* hlm.3.

⁶ Paul Chang Ming Phang. (1975). *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum : Kajian kes Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 1.

⁷ Mohammad. Isa Othman. (2002). *Sejarah Malaysia(1800-1963)*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 50.





timah pula amat diperlukan oleh pihak kerajaan kolonial British pada tahun 1874. Ini dapat dibuktikan bahawa pada masa itu, apabila Gabenor NNS Sir Harry Ord telah digantikan oleh Sir Andrew Clarke. Menurut Gabenor Sir Andrew Clarke berpendapat bahawa Negeri-negeri Melayu boleh dapat aman damai jika dengan adanya campur tangan dari pihak luar iaitu seperti pihak kerajaan kolonial British.

Jelas terbukti, kesempatan yang begitu baik dan tiada alasan yang dapat ditolak oleh pihak kerajaan kolonial British, maka akhirnya pihak kerajaan kolonial British bersetuju mengambil alih negeri Perak. Pada tahun Oktober 1873, Raja Abdullah mendapat pertolongan daripada Tan Kim Cheng (seorang saudagar Cina di Singapura yang berpengaruh). Oleh ini, perkara tersebut turut menjadi penggerak ke arah Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.⁸ Pedagang-pedagang yang merapatkan bersama dengan Sultan Abdullah pula terdiri daripada saudagar yang berpengaruh seperti Tan Kim Cheng, Edward Bacon dan W.H. Read. Menerusi nasihat mereka Sultan Abdullah membuat keputusan meminta bantuan daripada pihak kerajaan kolonial British.

Di samping itu, pihak kerajaan kolonial British yang sememangnya memerlukan bekalan bijih timah yang berterusan. Oleh itu, ini adalah kesempatan yang baik bagi pihak kerajaan kolonial British dengan boleh campur tangan di negeri Perak. Selain itu, yang paling utama ialah negeri Perak memiliki kekayaan dengan bekalan bijih timah di pasaran. Jelas terbukti, dengan serta-merta tentulah pihak kerajaan kolonial British tidak akan melepaskan permintaan seperti ini dan bersiap sedia untuk campur tangan di negeri Perak.⁹ Sultan Perak meminta pertolongan daripada pihak kerajaan kolonial British demi boleh menyelesaikan perbalahan. Oleh itu, untuk mendapatkan keamanan negeri Perak

⁸ *Ibid.* hlm. 54.

⁹ *Ibid.* hlm. 68.



maka tumpuan utama usahanya ditumpukan ke arah kongsi-kongsi gelap Cina iaitu Ghee Hin and Hai San di negeri Perak (Sila Rujuk Lampiran 7, Gambar 2.7). Langkah pertama yang diambilnya oleh pihak kerajaan kolonial British adalah mengatur gencatan senjata antara kongsi-kongsi gelap yang bertelagah.

By 1874 the Sultan of Perak was unable to cope with the disorders caused by Chinese clan wars in the tin mines of Larut and sought help from the British. This resulted in the Treaty of Pangkor which was signed in the same year by Sir Andrew Clarke, the Governor of the Straits Settlements, and the Chiefs of Perak.¹⁰

Perjanjian Pangkor dimenterai pada tahun 1874 iaitu apabila Sultan Perak tidak dapat menyelesaikan kekacauan akibat perperangan dalam kalangan puak-puak Cina di kawasan lombong bijih Larut, Taiping salah sebuah daerah perlombongan di negeri Perak yang utama. Oleh itu, Sir Andrew Clarke yang merupakan Gabenor baru mencadangkan kepada pembesar-pembesar Perak perlu mengadakan bermesyuarat dengan beliau di Pulau Pangkor. Keputusan bermesyuarat dan berunding demi dapat menyelesaikan masalah di negeri Perak. Raja Muda Abdullah menyokong persetujuan dan menjemput pihak kerajaan kolonial British menghantar seorang wakil ke negeri Perak. Namun, bahawa dengan syaratnya Raja Muda Abdullah akan dilantik sebagai Sultan di negeri Perak.

Justeru itu, satu rundingan diadakan di atas kapal Pluto pada hari Sabtu, 17 Januari 1874. Dalam kapal Pluto, yang turut disertai bersama dalam rundingan tersebut mereka yang terlibat adalah Sir Andrew Clarke, gabenor NNS dengan orang Besar-besar Perak iaitu Raja Muda Abdullah, Bendahara, Laksamana, Menteri Larut, Syahbandar, Temenggung, Raja Mahkota dan Datuk Sagor manakala Sultan Ismail dan Raja Yusuf

¹⁰ Francis Wong Hoy Kee, Paul Chang Min Phang. (1975). *The Changing Pattern of Teacher Education in Malaysia*. Kuala Lumpur, Singapore, Hong Kong: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. hlm.3.



tidak hadir dalam rundingan tersebut. Perebutan takhta kerajaan negeri Perak berlaku pertelingkahan di antara Raja Yusof, Raja Ismail dan Raja Abdullah serta pergaduhan Kongsi Gelap iaitu Ghee Hin and Hai San (Perang Larut).

Oleh itu, pada tahun 1874 seperti yang dinyatakan dalam perjanjian Pangkor. Raja Muda Abdullah bersetuju menerima dan menyediakan sebuah tempat kediaman yang sesuai bagi seorang wakil pegawai pihak kerajaan kolonial British yang dinamakan Residen. Jelasnya, wakil pegawai pihak kerajaan kolonial British Residen yang akan bertanggungjawab memberi nasihat kepada sultan mengenai segala perkara selain daripada perkara mengenai agama dan adat Melayu.¹¹

Jelas terbukti, pada 20 Januari 1874 termenterailah Perjanjian Pangkor di Pulau

Pangkor, negeri Perak. Syarat-syarat perjanjian adalah seperti berikut :-

1. Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak.
2. Raja Bendahara Ismail yang sekarang bertindak sebagai Pemangku Sultan dibenarkan memakai gelaran Sultan Muda dan diberi bayaran pencen serta menguasai sebuah daerah kecil yang diperuntukkan kepadanya.
3. Semua pembesar yang dilantik semasa Raja Bendahara Ismail menerima alat kebesarannya diiktiraf.
4. Kuasa yang diberikan oleh Almarhum Sultan kepada Orang Kaya Menteri Larut diiktiraf.
5. Semua perlantikan dan hasil negeri akan dipungut atas nama sultan.

¹¹ Koh Eng-Kiat. (1960). *A Comparative Study of American Colonial Educational Policy in the Philippines and that of the British in Malaya during the period 1898-1935*. Huraian M.A. yang tidak diterbitkan. University of London, Institute of Education, 1960. hlm. 93.





6. Sultan akan menerima dan menyediakan tempat tinggal yang sesuai untuk seorang pegawai British yang dikenali sebagai Residen. Nasihat residen mesti diperoleh dan dilaksanakan dalam semua perkara melainkan dalam hal agama dan adat istiadat Melayu.
7. Pembesar Larut akan menerima seorang penolong residen dan hanya patuh kepada perintah residen.
8. Pembiayaan residen dan pegawai-pegawaiannya akan ditentukan oleh kerajaan Negeri-Negeri Selat dan akan diambil daripada hasil negeri Perak.
9. Pendapatan yang akan diterima oleh sultan, bendahara, menteri dan pembesar-pembesar yang lain akan diambil daripada hasil negeri.
10. Kutipan dan kawalan atas semua hasil dan pentadbiran negeri dibuat dengan nasihat residen.
11. Pulau Pangkor dan Dinding diserahkan kepada pihak kerajaan kolonial British.
12. Sungai Krian akan menjadi sempadan di antara Seberang Prai (British) dengan negeri Perak.
13. Bagi mewujudkan keamanan di negeri Perak satu peraturan segera akan dibuat di bawah kawalan dan nasihat seorang atau lebih pegawai British. Pegawai ini akan menentukan kedudukan lombong, jentera, bayaran pampasan atas kerosakan dan sebagainya. Keputusan pegawai tersebut adalah muktamad.
14. Menteri Larut akan membiayai semua penyiasatan dan pemulihan keamanan di Perak.¹²

¹² Khoo Kay Kim. (1996). “Documents: The Pangkor Treaty in Malay”. Peninjau Sejarah (1). hlm.51-60.



The Sultan of Perak agreed "to receive and provide a suitable residence for a British officer, to be called Resident, who shall be accredited to his Court and whose advice must be asked and acted upon in all questions other than those touching Malay religion and custom.¹³

Perjanjian Pangkor dibuat secara tergesa-gesa dan kebanyakan adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak oleh pihak kerajaan kolonial British. Di samping itu, dengan adanya perjanjian Pangkor maka dapat mempercepatkan campur tangan daripada pihak kerajaan kolonial British di seluruh negeri Perak. Namun begitu, perjanjian ini tidaklah dijalankan dengan serta-merta. Ini adalah kerana didapati bahawa wakil pihak kerajaan kolonial British Residen hanya tiba di negeri Perak selepas sembilan bulan ditandatangani Perjanjian Pangkor 1874 yang sebagai penyelesaian. Jelas ternampak, sistem residen hanya diwujudkan di negeri Perak pada tahun 1875,



James Wheeler Woodford Birch (J.W.W Birch) telah dilantik sebagai Residen pertama di negeri Perak. Walau bagaimanapun, penolong Residen sudah pun mula menjalankan tugasnya di Larut, Taiping, negeri Perak.¹⁴ Sebenarnya, sebelum kedatangan J.W.W Birch di negeri Perak bahawa di Larut,Taiping sudahpun terdapat jumlah pelombong Cina yang seramai 40 ribu orang pada tahun 1872.¹⁵ Manakala, semakin beramai-ramai dan bertambah pelombong Cina yang datang ke negeri Perak kerana mempunyai peluang pekerjaan yang banyak di negeri Perak.

Pada tahun 1874, dengan secara rasmi pihak kerajaan kolonial British campur tangan ke atas negeri Perak bersama dengan wujudnya Perjanjian Pangkor di antara kedua-dua pihak. Oleh itu, negeri Perak merupakan negeri yang keempat ditadbir oleh

¹³ Swettenham, F. (1929). *British Malaya* (revised edition). London : The Bodley Head Ltd. hlm. 173-174.

¹⁴ Mohammad. Isa Othman. (2002).*Sejarah Malaysia (1800-1963)*. hlm. 73-74 dan lihat *Letter Appointing W.E. Maxwell To Be A Member Of Perak State Council*, 1878.

¹⁵ *Ibid.* hlm. 191.

pihak kerajaan kolonial British selain NNS. Negeri Perak dipemerintah oleh pihak kerajaan kolonial British yang bermula sejak pada tahun 1874 secara rasminya. Akhirnya secara rasmi, negeri Perak telah dijajah oleh pihak kerajaan kolonial British pada tahun 1874. Jelas terbukti bahawa dengan adanya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, zaman kolonial bermula bagi pihak kerajaan kolonial British secara rasminya campur tangan terhadap negeri Perak.

Berikutan daripada kedatangan pihak kerajaan kolonial British dan pembukaan kawasan-kawasan perlombongan, orang-orang Cina menggalakkan masuk secara beramai-ramai ke negeri Perak. Kemasukan orang Cina yang beramai-ramai giat menceburi dalam perusahaan bijih timah.¹⁶ Menurut Tan Yao Sua, kebanyakan orang Cina menetap di kawasan-kawasan yang lebih maju berbanding dengan kaum yang lain.

Ini adalah kerana tempat pelombong pekerja bagi orang Cina adalah merupakan nadi ekonomi Tanah Melayu khususnya di negeri Perak.¹⁷ Sehubungan itu, semakin ramai orang Cina datang ke negeri Perak untuk mencari rezeki.

Namun begitu, kehadiran orang Cina selain mencari kekayaan mereka tidak lupa juga tanggungjawab sosial mereka iaitu mendidik kanak-kanak Cina agar anak mereka dapat mewarisi bahasa dan budaya etnik Cina.¹⁸ Jelas ternampak, secara langsung atau tidak langsung pendidikan vernakular Cina mula wujudnya di negeri Perak. Kedatangan secara beramai-ramai orang Cina di negeri Perak bukan sahaja membawa adat, budaya, agama termasuk juga pendidikan yang dipandang amat penting bagi orang Cina.

¹⁶ Kementerian Pelajaran Malaysia. (1980). *Pelajaran Di Malaysia 1979*. hlm. 2.

¹⁷ Tan Yao Sua. (2005). *Politik Dongjiaozong Dalam Pendidikan Vernakular Cina Di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, hlm. 64.

¹⁸ *Ibid.* hlm. 65.



Di samping itu, semasa pihak kerajaan kolonial British memerintah negeri Perak telah membawa impak yang penting terutamanya pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941. Selain itu, kehadiran pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak turut memberi galakan secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan vernakular Cina yang berkembang dengan pesat di negeri Perak. Dengan adanya kedatangan yang semakin ramai orang Cina di negeri Perak. Orang Cina menubuhkan sekolah vernakular Cina dan membawa perkembangan pendidikan vernakular Cina berkembang dengan pesat pada zaman kolonial British. Oleh itu, perkembangan pendidikan vernakular Cina diwujudkan dan ditubuhkan bahawa dengan kedatangan beramai-ramai orang Cina mencari rezeki di negeri Perak dalam tempoh zaman kolonial British pada tahun 1900-1941.



1.2 Latar Belakang Kajian

Perjanjian Pangkor merupakan satu perjanjian yang asas dan utama bagi perluasan kuasa pentadbiran oleh pihak kerajaan kolonial British di negeri-negeri Melayu khususnya di negeri Perak seperti yang dihuraikan dalam pendahuluan. Negeri Perak juga merupakan sebuah negeri yang keempat dicampur tangan oleh pihak kerajaan kolonial British selepas NNS. Sebenarnya, apabila sesebuah Negeri-negeri Melayu meminta pertolongan daripada pihak kerajaan kolonial British, maka sesuatu perjanjian yang denggap lebih baik pada dasarnya akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Jelas terbukti, pihak kerajaan kolonial British menggunakan alasan memberi pertolongan untuk negeri-negeri Melayu seperti di negeri Perak khasnya. Oleh tu, negeri Perak sebagai tempat campur



tangan bagi phak kerajaan kolonial British demi dapat membawa keamanan yang bermula sejak pada tahun 1874.

Menjelang sehingga pada tahun 1914, semua negeri Melayu di Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran pihak kerajaan kolonial British. Namun begitu, semua perjanjian turut dimenterai oleh persetujuan di antara kedua-dua pihak masing-masing. Walau bagaimanapun, semua perjanjian boleh dikatakan lebih menguntungkan bagi pihak kerajaan kolonial British. Semua negeri-negeri Melayu Bersekutu termasuk negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang yang turut ditadbirkan oleh seorang Residen Jeneral yang berada di Kuala Lumpur. Setiap negeri juga mempunyai seorang Residen di tiap-tiap negeri tersebut.¹⁹ Pada tahun 1874, Negeri Perak dengan secara rasminya dijajahi oleh pihak kerajaan kolonial British. Dengan itu, baru bermula pentadbiran zaman kolonial British di negeri Perak pada tahun 1874 sehingga pada tahun 1941 iaitu sebelum zaman Jepun muncul di negeri Perak.

Di samping itu, negeri Perak akhirnya ditadbir oleh pihak kerajaan kolonial British dengan secara rasminya pada tahun 1874. Kemasukan orang Cina yang beramai-ramai di negeri Perak berjaya membawa pendidikan vernakular Cina berkembang dengan pesat. Pendidikan yang dianggap sangat penting bagi orang Cina demi masa depan anak generasi mereka. Sebelum kedatangan pihak kerajaan kolonial British, pendidikan Cina berada di negeri Perak adalah berbentuk tradisional ataupun tidak formal yang diadakan, namun pendidikan vernakular Cina semakin berkembang dengan pesat atas kedatangan para pekerja pelombong orang Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British, 1900-1941.

¹⁹ Paul Chang Ming Phang. (1975). *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum: Kajian kes Malaysia*. hlm. 2.

Pada peringkat awal, fokus utama bagi pihak kerajaan kolonial British campur tangan di negeri Perak adalah semata-mata untuk mendapatkan bekalan bijih timah sahaja. Walau bagaimanapun, apabila pihak kerajaan kolonial British campur tangan secara rasmi di negeri Perak selepas perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Pentadbiran pihak kerajaan kolonial British hanya menumpukan fokus kepada aspek ekonomi sahaja manakala aspek-aspek yang lain semua diabaikan begitu sahaja. Ini jelas ternyata semasa pentadbiran bagi pihak kerajaan kolonial British boleh dikatakan langsung tidak berminat dan tidak ingin campur tangan dalam bidang pendidikan. Tidak ingin mengambil tahu terhadap bidang pendidikan khasnya pendidikan vernakular Cina kerana berpendapat bahawa pendidikan tidak mendatangkan sebarang keuntungan bagi pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak khasnya pada tahun 1900-1941.

Namun begitu, semasa pentadbiran dan pengaruh daripada pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak, satu sistem pendidikan telah diperkenalkan iaitu pendidikan yang berbentuk sekular. Pendidikan sekular merupakan sekolah khusus bagi setiap kaum masing-masing. Sekolah-sekolah terpaksa berpisah mengikut lokasi geografi, kurikulum, bahasa yang berbeza. Kesemua sekolah yang terlibat iaitu antaranya adalah sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris. Oleh itu, wujudnya aliran pendidikan vernakular Melayu, pendidikan vernakular Cina, pendidikan vernakular Tamil dan pendidikan Inggeris yang berbeza-beza aliran diadakan di negeri Perak pada zaman pentadbiran pihak kerajaan kolonial British, iaitu pada tahun 1900-1941.

Walau bagaimanapun, sistem pendidikan yang sekular mengasingkan rakyat negeri Perak yang mengikut kaum masing-masing dan tidak dapat bersatu padu pada

zaman kolonial British terutamanya. Ini dapat dibuktikan bahawa kerana setiap kaum turut memainkan peranan pendidikan yang masing-masing dalam aliran yang berlainan. Pihak kerajaan kolonial British yang menggunakan sistem pendidikan sekular menyebabkan rakyat yang berbilangan kaum masing-masing mendapat pendidikan yang berbeza aliran di negeri Perak pada zaman kolonial British pada tahun 1900-1941.

Ramai pekerja pelombong orang Cina dari negara Tanah Besar China datang ke negeri Perak untuk mencari rezeki pada zaman kolonial British. Tujuan utama pekerja pelombong orang Cina adalah mencari rezeki dan menghantar wang yang lebih balik ke negara asal Tanah Besar China mereka. Sewaktu pentadbiran pihak kerajaan kolonial British yang membuka peluang pekerjaan, memberi pelbagai galakkan dan mampu menarik minat para pekerja pelombong orang Cina berlumba-lumba datang mencari pekerjaan di negeri Perak. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa menurut pandangan pekerja pelombong orang Cina iaitu suatu hari nanti mereka akan balik ke negara asal Tanah Besar China mereka sendiri.

Oleh itu, pekerja pelombong orang Cina adalah hanya bekerja sementara dan mencari rezeki sahaja di negeri Perak. Dengan itu, kebetulan bagi pihak kerajaan kolonial British pula amat memerlukan pekerja pelombong orang Cina yang beramai-ramai sejak pada tahun 1900. Justeru itu, dengan mempunyai pelbagai peluang pekerjaan dan menyediakan tenaga pekerja, sama ada buruh, teknikal ataupun pengurusan, di lombong-lombong bijih timah yang kebanyakannya terdapat di negeri Perak khususnya.²⁰ Dengan itu, disebabkan peluang pekerjaan yang begitu ramai, maka berjaya menarik minat para pekerja pelombong orang Cina datang ke negeri Perak untuk mencari rezeki dan kekayaan.

²⁰ Abu Zahari Bin Abu Bakar. (1980). *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia Zaman Sebelum Merdeka Hingga Ke Zaman Sesudah Merdeka*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 18.



Imigran pekerja pelombong orang Cina yang semakin ramai bukan sahaja membawa bersama-sama adat, kepercayaan, agama dan kebudayaan, tetapi juga membawa pendidikan Cina mereka ke negeri Perak.

Kehadiran pekerja pelombong orang Cina yang semakin ramai, pada mulanya mereka datang adalah secara individu untuk mencari rezeki di negeri Perak. Selepas itu, mereka membawa bersama dengan isterinya dan anak-anak, manakala ada yang berkahwin dan menetap tinggal di negeri Perak dan tidak mahu balik ke negara asal Tanah Besar China mereka. Oleh itu, keadaan sebegini wujudnya permintaan tinggi terhadap pendidikan untuk anak-anak pekerja pelombong orang Cina. Tidak dapat dinafikan bahawa bidang pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi orang Cina. Ini dapat dijelaskan bahawa sifat-sifat orang Cina yang amat mementingkan pendidikan demi masa depan anak mereka. Oleh itu, pendidikan vernakular Cina berkembang dengan pesat di negeri Perak pada zaman kolonial British sehingga akhirnya kerajaan kolonial British campur tangan terhadap pendidikan vernakular Cina pada sekitar tahun 1920.

Para pekerja pelombong orang Cina selain mencari rezeki juga mementingkan bidang pendidikan untuk masa depan anak mereka. Ini adalah kerana berharap anak mereka boleh lebih baik daripada ibubapa mereka. Oleh itu, semasa para pekerja pelombong orang Cina di negeri Perak, sekolah vernakular Cina turut berkembang dengan pesat. Jelas terbukti, para pekerja pelombong orang Cina berpendapat bahawa walaupun mereka miskin tetapi tidak boleh miskin ilmu bagi anak-anak mereka yang berada di luar dari negara asal Tanah Besar China mereka. Orang Cina sangguh mencari jalan sendiri membina sekolah walaupun tanpa bantuan daripada pihak kerajaan kolonial British. Buktinya, kebanyakan sekolah Cina di negeri Perak mula ditubuhkan dan dibiayai



oleh masyarakat Cina sendiri tanpa bantuan daripada pihak kerajaan kolonial British pada zaman kolonial British iaitu yang bermula pada tahun 1900 sehingga pada tahun 1920.

Walau bagaimanapun, sebelum pada tahun 1900 sekolah vernakular Cina di negeri Perak adalah sealiran corak bersama dengan sekolah-sekolah di negara asal Tanah Besar China. Ini jelas dibuktikan bahawa kerana sifat ketaatan orang Cina terhadap negara asal Tanah Besar China mereka. Bukan itu sahaja, sokongan yang kuat daripada pihak kerajaan negara asal Tanah Besar China terhadap pendidikan Cina turut memainkan peranan yang sangat penting walaupun penduduk orang Cina di luar dari negara asal Tanah Besar China. Justeru itu, proses pengajaran dan pembelajaran sekolah vernakular Cina adalah tumpuannya terhadap kepada ajaran-ajaran klasik Cina dan juga belajar secara hafalan.²¹ Selain itu, turut didapati bahawa semua kurikulum sekolah vernakular Cina yang diajar di negeri Perak adalah berkaitan sama dengan negara asal Tanah Besar China dan tiada sedikitpun yang berkaitan dengan NNMB khususnya di negeri Perak.

Pekerja pelombong orang Cina yang terlalu mementingkan pendidikan juga merupakan sebab utama yang menyebabkan mereka mendirikan banyak sekolah vernakular Cina sendiri di negeri Perak. Mendirikan sekolah-sekolah vernakular Cina melalui usaha orang perseorangan atau persatuan bagi mengekalkan warisan budaya dan bahasa orang Cina. Hal ini dapat dibuktikan bahawa dengan pembinaan sekolah vernakular Cina di kawasan yang mempunyai penempatan para pekerja pelombong orang Cina. Pendidikan vernakular Cina yang dibawa masuk ke NNMB khususnya di negeri Perak menjelang akhir kurun yang kesembilan belas dijelaskan oleh Purcell, Victor seperti berikut:

²¹ Purcell Victor. (1948). *The Chinese in Malaya*. London : Oxford University Press. hlm. 224-225.

*Pelajaran sekolahnya mengandungi kegiatan menghafal buku-buku falsafah agamanya, dan kegiatan menulis berbagai-bagai bentuk huruf bahasa Cina sebagai latihan mental pada peringkat asasnya. Latihan menulis ini kononnya memberikan latihan pergerakan tangan yang diabaikan sahaja di negara-negara Barat. Pada peringkat kedua, murid-murid menterjemahkan buku ke dalam bahasa pertuturan (misalnya membaca) serta mengikut pelajaran mengarang. Pada peringkat ketiga pula, diadakan pelajaran surat menyurat serta mengarang cerita. Murid-murid menghafal pelajarannya secara kuat (suatu pelajaran melatih konsentrasi apabila semua murid lain menjalankan kegiatan yang sama dengan menggunakan buku lain, ataupun menggunakan buku yang sama tetapi di bahagian yang berlainan), dan membacanya secara kuat dengan membelakangkan gurunya sebagai satu cara menguji hafalannya apabila seseorang murid itu telah bersedia.*²²

Jelas terbukti, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting bagi anak-anak pekerja pelombong orang Cina. Mereka memberi sokongan yang sepenuhnya demi anak-anak mereka supaya boleh dapat melanjutkan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak. Oleh itu, pendidikan vernakular Cina memainkan peranan yang sangat penting sejak kedatangan para pekerja pelombong orang Cina di negeri Perak walaupun tidak mendapat sokongan daripada mana-mana pihak terutama pihak kerajaan kolonial British. Namun begitu, pendidikan vernakular Cina tetap terus berkembang dengan pesat dan sehingga satu tahap pihak kerajaan kolonial British terpaksa campur tangan kerana anti-penjajah British semakin ketara dan terancam terhadap pihak kerajaan kolonial British pada zaman kolonial British di negeri Perak khasnya di sekitar pada tahun 1920.

Pada tahun sekitar 1920-an, pihak kerajaan kolonial British terpaksa campur tangan dalam bidang pendidikan vernakular Cina demi dapat mengawal pentadbiran dan pengurusan sekolah vernakular Cina yang selama ini tidak pernah campur tangan. Pihak kerajaan kolonial British bimbang jikalau tidak campur tangan terhadap sekolah

²² Purcell Victor. (1936). *Problems of Chinese Education*. London : Kegan Paul, Trubner. hlm. 18-19.



vernakular Cina di negeri Perak tersebut maka pengaruh ideologi komunis yang semakin ketara di sekolah vernakular Cina.

1.3 Pernyataan Masalah

Kedatangan orang Cina yang beramai-ramai ke negeri Perak untuk mencari rezeki dan kekayaan. Disebabkan kedatangan orang Cina menetap di negeri Perak yang semakin meningkat. Oleh itu, penyelidik membuat keputusan mengkaji secara lebih mendalam demi membuktikan bahawa latar belakang orang Cina yang datang ke negeri Perak pada masa 1900 dan yang sebelumnya. Persoalan yang menarik bagaimana orang Cina mampu membawa perkembangan pendidikan vernakular Cina dengan pesat di negeri Perak antara

tahun 1900 hingga 1941.



Pihak kerajaan kolonial British memperkenalkan sistem pendidikan sekular Tanah Melayu termasuk di negeri Perak. Sistem pendidikan sekular terbahagi kepada pendidikan vernakular Melayu, pendidikan vernakular Cina, pendidikan vernakular Tamil dan sekolah Inggeris di negeri Perak. Pada awal tahun sebelum 1920, pihak kerajaan kolonial British tidak mempedulikan tentang bidang pendidikan langsung kerana berpendapat pendidikan vernakular Cina tidak membawa apa-apa keuntungan.

Pihak kerajaan kolonial British menganggap bahawa orang Cina merupakan golongan yang tinggal sementara sahaja dan tidak perlu memberi pendidikan kepada mereka. Ini adalah kerana beranggapan bahawa pekerja pelombong orang Cina yang tinggal di negeri Perak hanya sementara sahaja dan tidak lama nanti mereka akan balik





ke negara asal Tanah Besar China mereka. Namun begitu, pendidikan vernakular Cina dilaksanakan dengan baik oleh orang Cina tersendiri tanpa memerlukan bantuan daripada mana-mana pihak berkuasa khasnya pihak kerajaan kolonial British.

Bagi pihak kerajaan kolonial British yang bermatlamat bahawa sistem pendidikan adalah memberi pendidikan kepada segolongan rakyat yang membolehkan sebahagian mereka memenuhi keperluan tenaga dan ekonomi. Pada peringkat kurun ke-19, aspek bidang pendidikan berjalan secara *ad-hoc* tanpa ada garis panduan atau batasan yang konkret. Ini adalah kerana pemerintah pihak kerajaan kolonial British tidak menganggap bahawa bidang pendidikan merupakan satu pelaburan untuk meningkat kemahiran dan kebolehan terutamanya terhadap pendidikan vernakular Cina.

Selain itu, pihak kerajaan kolonial British turut beranggap bahawa biarlah orang Cina sendiri yang menjalankan pendidikan vernakular Cina mereka tersendiri. Namun, mulai pada tahun 1920 pihak kerajaan kolonial British mula campur tangan dalam bidang pendidikan khasnya sekolah vernakular Cina. Campur tangan pihak kerajaan kolonial British adalah untuk mengelakkan sekolah-sekolah vernakular Cina dipengaruhi oleh ideologi komunis.

Oleh itu, jelas terbukti bahawa pada masa 1920, pengaruh ideologi komunis yang bersemangat dan mengiatkan penglibatkan diri dalam sekolah-sekolah pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah vernakular Cina semakin sukar dikawal dan semangat anti-penjajah British semakin giat dan ketara selepas pada tahun 1920. Oleh itu, pihak kerajaan kolonial British memperkenalkan dasar pendidikan yang dinamakan



Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920 bagi mengawal pentadbiran sekolah vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British 1920-1941.

Selepas pada tahun 1920, dasar-dasar pihak kerajaan kolonial British dilaksanakan dengan meminta semua sekolah vernakular Cina perlu berdaftar di bawah Ordinan Pendaftaran Sekolah. Syaratnya jikalau sekolah vernakular Cina tersebut mendaftar maka sekolah tersebut akan boleh mendapat bantuan kewangan daripada pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak. Namun begitu, Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920 gagal untuk mengawal perkembangan sekolah vernakular Cina di negeri Perak.

Di samping itu, dengan wujudnya pelaksanaan Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920 telah mengalami kegagalan oleh pihak kerajaan kolonial British. Oleh itu, disebabkan Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920 tidak berjaya maka pihak kerajaan kolonial British membuat pindahan dan perubahan pada tahun 1925 yang mengikut kesesuaian bagi tahun yang berikutnya. Walau bagaimanapun, kelebihan dalam kalangan usaha orang perseorangan dan persatuan Cina yang membantu sekolah-sekolah vernakular Cina menyebabkan sekolah-sekolah vernakular Cina terus berkembang dengan pesat dan baik walaupun tanpa bantuan daripada pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak. Ini dapat dibuktikan bahawa tanpa *grant-in aid* (bantuan) sekolah-sekolah vernakular Cina tetap berjaya diteruskan dengan baik dan lancar di negeri Perak sewaktu zaman kolonial British pada tahun 1900-1941.

Jelas terbukti pada peringkat awal dasar pihak kerajaan kolonial British tidak campur tangan dalam aspek bidang pendidikan di negeri Perak khususnya pendidikan vernakular Cina dan selepas pada tahun 1920 mula giat mengawal sekolah vernakular



Cina. Oleh itu, dasar tersebut menarik minat penyelidik untuk membuat penyelidikan terhadap dasar pihak kerajaan kolonial British di negeri Perak pada tahun 1900 hingga 1941.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, iaitu bermula pada tahun 1900 sehingga 1941. Selain itu, kajian ini juga hanya melibatkan di sebuah negeri Perak sahaja walaupun NNMB terdapat empat buah negeri (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan). Bagi mencapai objektif kajian tersebut, maka kajian ini adalah memfokuskan kepada empat objektif yang lebih kursus seperti yang di bawah. Objektif dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:-

1. Mengkaji latar belakang dan perkembangan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941.
2. Menganalisis dasar pihak kerajaan kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina di negeri Perak bagi tempoh tahun 1900-1941.
3. Menjelaskan infrastruktur dan pengurusan sekolah vernakular Cina di negeri Perak antara tahun 1900-1941.
4. Membincangkan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh sekolah vernakular Cina di negeri Perak bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941.





Antara objektif kajian utama adalah memfokuskan kepada latar belakang pendidikan vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British di negeri Perak khasnya adalah di antara bermula pada tahun 1900 hingga 1941. Latar belakang kedatangan orang Cina dari negara Tanah Besar China ke negeri Perak. Dalam objektif bab ini juga akan melihat orang-orang Cina kerana cinta dan hormat pembelajaran menyebabkan perkembangan pendidikan vernakular Cina berkembang dengan pesat di negeri Perak. Objektif kajian ini melihat pendidikan vernakular Cina di negeri Perak. Perkembangan sekolah vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British sehingga sebelum kedatangan zaman Jepun. Seterusnya, struktur pentadbiran sekolah vernakular Cina di negeri Perak. Selain itu, objektif kajian juga mengkaji dengan lebih mendalam tentang peranan yang dimainkan oleh orang Cina sebagai golongan yang diperintah dalam perkembangan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British, 1900 hingga 1941.



Dalam objektif kedua kajian ialah menganalisis dasar pihak kerajaan kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina di negeri Perak bagi tempoh masa ialah pada zaman kolonial pemerintahan British, pada tahun 1900-1941. Objektif kajian kedua akan menganalisis dasar British di negeri Perak dengan secara kronologi sehingga sebelum zaman Jepun. Dasar British memainkan peranan penting walaupun pada mulanya tidak campur tangan sehingga pada tahun 1920 telah memperkenalkan Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920. Oleh itu, objektif kajian kedua ini akan menganalisis bagaimana dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British yang sebagai golongan pemerintah terhadap pendidikan vernakular Cina semasa sekolah vernakular Cina dipengaruhi oleh ideologi komunis di negeri Perak, 1900-1941. Akhirnya, pihak British memberi bantuan kewangan dan bantuan perkapita setiap murid dalam sekolah





vernakular Cina, dan usaha menubuhkan jabatan pelajaran di negeri Perak pada zaman kolonial British, 1900-1941.

Seterusnya, objektif kajian yang ketiga ialah menjelaskan infrastuktur dan pengurusan sekolah vernakular Cina zaman kolonial di negeri Perak antara tahun 1900-1941. Bagi mencapai objektif ini, penyelidik mengkaji sistem pentadbiran dan pengurusan yang dijalankan di sekolah vernakular Cina, negeri Perak. Punca kewangan sekolah vernakular Cina yang diadakan. Naman begitu, bangunan sekolah dan pusat latihan guru sekolah vernakular Cina turut dikaji oleh penyelidik.

Objektif kajian yang terakhir pula adalah membincangkan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah vernakular Cina yang bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941 di negeri Perak. Bagi objektif kajian ini, penyelidik mengkaji kurikulum yang digunakan oleh sekolah vernakular Cina di negeri Perak. Dalam objektif kajian ini, pangajaran dan pembelajaran di sekolah vernakular Cina yang dikaji termasuklah bahasa pengantar, buku teks dan tenaga pengajar atau guru sekolah vernakular Cina di negeri Perak yang bermula pada tahun 1900 hingga 1941 iaitu sebelum kemunculan zaman Jepun di negeri Perak.





1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian adalah seperti yang berikut :-

1. Bagaimanakah latar belakang dan perkembangan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941?
2. Apakah dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina di negeri Perak bagi tempoh 1900-1941?
3. Jelaskan infrastuktur dan pengurusan sekolah vernakular Cina di negeri Perak antara tahun 1900 hingga 1941?
4. Sejauh manakah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh sekolah vernakular Cina di negeri Perak bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini berharap boleh membantu dan mampu memberitahu generasi yang akan datang untuk mengetahui perjuangan dan memartabatkan pendidikan vernakular Cina yang diperjuangkan oleh nenek moyang orang Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak iaitu bermula sejak pada tahun 1900 sehingga 1941. Di samping itu, untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan mendalami maka penyelidik membuat keputusan perlulah membuat kajian penyelidikan mengenai tajuk kajian ini.





Sejarah pendidikan vernakular Cina memainkan peranan yang sangat penting kerana ianya adalah suatu peringkat permulaan orang Cina daripada pendidikan informal kepada pendidikan yang bercorak sekular atau lebih popular dikenali sebagai *western type education*. Hasil kajian ini juga memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada pihak-pihak yang berkaitan. Ianya merupakan suatu dokumentasi penyelidikan yang amat membantu kepada perkembangan dunia penyelidikan dan kajian sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak khususnya yang memberi fokus kepada kajian pada zaman kolonial British, iaitu di antara pada tahun 1900 hingga 1941.

Hasil daripada penyelidikan ini dijadikan sebagai panduan atau rujukan kepada ilmuan atau ahli akademik sama ada di dalam atau luar negara supaya mereka boleh lebih memahami dan mengenali dengan lebih dekat tentang sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak 1900 hingga 1941. Maka sudah tentunya juga, hasil penemuan dalam tesis ini memberi sumbangan pengetahuan dan maklumat untuk digunakan oleh pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Bukan itu sahaja kepada pelajar-pelajar tempatan juga, namun bermanfaat kepada para pelajar dari luar negara, terutama bagi pelajar-pelajar yang ingin menjalankan penyelidikan terhadap sejarah pendidikan vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British, pada tahun 1900-1941.

Kajian ini boleh menjadi rujukan atau ditempatkan di dalam perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara, dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dan lain-lain perpustakaan di Malaysia sebagai suatu bahan rujukan penyelidikan yang berkaitan dengan sejarah pendidikan vernakular Cina zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941.





Selain itu, kajian ini juga penting dalam menekankan mengenai pencejahanan iaitu sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941 yang masih kurang diberikan tumpuan selamanya dan maklumat yang amat kurang juga dengan tajuk yang berkenaan. Sebenarnya, pekerja pelombong orang Cina mengalami kehidupan yang sukar di bawah kuasa pihak kerajaan kolonial British terutamanya pada zaman kolonial British. Ini dapat dibuktikan bahawa pihak kerajaan kolonial British hanya ingin mengumpul harta dan kekayaan yang terdapat di negeri Perak sahaja.

Tambahan pula, pihak kerajaan kolonial British berpendapat bahawa bukan tanggungjawabnya untuk memberi dan memastabatkan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak. Oleh itu, diharapkan kajian ini sedikit sebanyak akan boleh dapat membantu kalangan penggubal dan pelaksana dasar atau sistem pendidikan Cina. Berharap kajian ini dapat membantu ke arah lebih memahami dan perkembangan bidang penyelidikan terutamanya yang berkaitan dunia pendidikan khususnya pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak, 1900-1941.

Sekolah vernakular Cina yang ditubuhkan oleh usaha individu Cina, persatuan Cina daerah, persatuan suku kaum, lembaga pengurus sekolah dan jabatan pentadbir Cina. Disebabkan sokongan daripada mereka, barulah sekolah vernakular Cina tidak perlu bantuan daripada pihak kerajaan kolonial British masih mampu berkembang dengan baik. Selain itu, infrastruktur dan pengurusan sekolah vernakular Cina oleh sumbangan lembaga pengurus sekolah atau persatuan orang Cina dikaji dengan teliti dan secara mendalam di sekolah vernakular Cina di negeri Perak.





Pengajaran dan pembelajaran sekolah vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial membawa kurikulum yang berasal dari negara Tanah Besar China. Selain itu, tenaga pengajar atau guru, bahasa dan buku teks kesemuaannya adalah berasal dari negara asal Tanah Besar China juga. Sejauh manakah sekolah vernakular Cina berkembang pesat di negeri Perak tanpa bantuan pihak kerajaan kolonial British. Manakala, pihak kerajaan kolonial British sukar mengawal sekolah vernakular Cina dan memperkenalkan Ordinan Pendaftaran Sekolah 1920 pada zaman kolonial di negeri Perak.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian yang utama adalah memberi fokus mengenai sejarah perkembangan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak sahaja. Di samping itu, batasan kajian juga hanya membincangkan pada zaman kolonial British iaitu dalam tempoh masa di antara tahun 1900 hingga tahun 1941. Memilih tahun 1900 sebagai tahun permulaan kajian, ini adalah kerana pada tahun tersebut, penyelidik mendapati tahun tersebut adalah titik permulaan sekolah-sekolah vernakular Cina ditubuhkan dan mula berkembang pesat di negeri Perak. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan kolonial British mula campur tangan di negeri Perak pada tahun 1874 dengan adanya Perjanjian Pangkor.

Namun, penyelidik mendapati tiada maklumat yang berkaitan sebelum pada tahun 1900 walaupun pihak kerajaan kolonial British mula mengurus pentadbiran di Perak pada tahun 1874. Jelas terbukti, kajian ini bermula pada tahun 1900 adalah merupakan tahun yang bersesuaian bagi penyelidik mengkaji di negeri Perak kerana





tahun tersebut adalah tahun permulaan sekolah-sekolah vernakular Cina ditubuhkan di negeri Perak dan yang sebelumnya tiada rekod dan maklumat.

Selain itu, negeri Perak merupakan negeri yang unik bagi pihak kerajaan kolonial British. Ini adalah kerana mendapat bahawa negeri Perak merupakan negeri yang keempat ditakluki selain daripada NNS iaitu selepas dari negeri yang terlibat seperti Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Namun begitu, negeri Perak dipilih kerana negeri Perak merupakan negeri yang kaya dengan bijih timah. Pemilihan negeri Perak yang sebagai tempat rujukan kajian utama adalah kerana negeri Perak turut merupakan sebuah negeri yang istimewa dan berjaya menarik ramai pekerja pelombong orang Cina berpindah ke sini. Selain itu, turut mendapat bahawa pada tahun 1873, Sultan Perak mula meminta bantuan campur tangan daripada pihak kerajaan kolonial British. Akhirnya, dengan wujudnya perjanjian Pangkor 1874 yang pertama di negeri-negeri Melayu iaitu di negeri Perak. Jelas terbukti, lingkungan lokasi juga terbatas di negeri Perak sahaja dan tidak melibatkan di negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Seterusnya, batasan kajian yang kedua adalah kajian yang bermula dari tahun 1900 sehingga 1941 iaitu jumlah keseluruhanya adalah selama 41 tahun yang di bawah pemerintah oleh pihak kerajaan kolonial British. Selama 41 tahun merupakan suatu jangka masa yang agak lama. Oleh itu, jangka masa selama 41 tahun dalam pentadbiran yang di perintah oleh pihak kerajaan kolonial British sedikit sebanyak membawa kepelbagaiannya yang amat ketara atau tidak yang berlaku di negeri Perak. Oleh itu, penyelidik membuat keputusan menyelidik kajian yang bermula sejak pada tahun 1900 sehingga tahun 1941. Bermula pada tahun 1900 sehingga 1941 kerana pada tahun 1900





adalah titik permulaan perkembangan sekolah vernakular Cina dan terpaksa berhenti sewaktu zaman pemerintahan Jepun pada tahun 1941.

Pada tahun 1941, Jepun mula datang mengancam ke negeri Perak dan Negeri-negeri Melayu yang lain secara serentak di Tanah Melayu. Tindakan Jepun secara mengejut berjaya mengalahkan pihak kerajaan kolonial British. Akhirnya, pihak kerajaan kolonial British gagal mempertahankan Tanah Melayu. Kegagalan pihak kerajaan kolonial British terpaksa mengundurkan diri keluar dari Tanah Melayu termasuklah negeri Perak sejak pada tahun 1941. Oleh itu, di antara pada tahun 1900 yang merupakan zaman kolonial British sehingga pada tahun 1941 yang merupakan tahun tamat bagi pihak kerajaan kolonial British sebelum diambil alih oleh pihak pemerintahan Jepun di negeri Perak. Namun begitu, semasa pemerintahan Jepun kesemua sekolah vernakular Cina terpaksa tutup dan zaman tersebut bukan lagi zaman kolonial British, 1900-1941. Inilah zaman kolonial British yang dikaji dan ia merupakan batasan kajian bagi penyelidikan kajian ini.

Selain itu, batasan kajian adalah dalam lingkungan pendidikan vernakular Cina sahaja. Iaitu segala aspek-aspek yang berkaitan terhadap pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British yang akan dikaji. Penyelidikan ini hanya mengkaji pendidikan vernakular Cina sahaja dan tidak termasuk pendidikan vernakular Melayu, vernakular Tamil dan sekolah Inggeris. Jelas terbukti, penyelidikan ini hanya mengkaji terhadap sejarah pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak yang bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941.



Di samping itu, latar belakang dan perkembangan pendidikan vernakular Cina, pengenalan dasar kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina turut dikaji di negeri Perak. Seterusnya, memberi fokus terhadap infrastruktur dan pengurusan sekolah vernakular Cina, dan pengajaran dan pembelajaran sekolah vernakular Cina pada zaman kolonial di negeri Perak sahaja dikaji iaitu di antara pada tahun 1900 sehingga 1941. Dengan itu, dalam bahagian pengenalan ini dinyatakan selain daripada latar belakang kajian juga termasuk pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, definisi istilah dan akhirnya ialah pembahagian bab.

1.8 Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur yang berkaitan dengan sejarah pendidikan vernakular Cina di negeri Perak adalah amat kurang berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain di Tanah Melayu. Ini adalah kerana tinjauan literatur tidak mempunyai kajian yang banyak mengenai sejarah pendidikan vernakular Cina di Tanah Melayu apatah lagi kajian yang khusus bagi sesebuah negeri seperti negeri Perak. Berdasarkan perbincangan yang terdapat dalam tinjauan literatur ini menarik minat penyelidik mengkaji penyelidikan terhadap tajuk yang berkenaan. Mendapati kajian yang tidak banyak berkaitan dengan pendidikan vernakular Cina sama ada dalam bentuk buku, kertas kerja persidangan, tesis atau disertasi yang dihasilkan mengenai sistem pendidikan terutama di negeri Perak yang diadakan pada zaman penjajahan pihak kerajaan kolonial British, pada tahun 1900 hingga 1941 khususnya.

Penelitian terhadap aspek ini dapat dibahagikan kepada beberapa tema yang tertentu. Empat tema telah dikenal pasti yang mempunyai kaitan langsung dengan kajian ini iaitu tema mengenai latar belakang kedatangan orang Cina dan sejarah pendidikan secara umum di negeri Perak, kedua pula mengenai dasar kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina di negeri Perak dan ketiga adalah mengenai infrastruktur dan pengurusan pendidikan vernakular Cina. Tema keempat pula merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran pendidikan vernakular Cina di sekolah vernakular Cina negeri Perak. Dalam tema-tema tersebut, mendapat terdapat beberapa buah penulisan mengenainya. Antaranya adalah seperti yang dinyatakan seterusnya.

Khairi Bin Ariffin dalam tesisnya yang bertajuk *Dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu, 1900-1957*²³ telah membincangkan dengan teliti tentang dasar kolonial British yang mewujudnya pendidikan sekular di Tanah Melayu dengan sistematik. Penulis bukan sahaja membincangkan mengenai dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu pada tahun 1900 hingga kemerdekaan secara mendalam dan juga menjelaskan dengan dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu dengan lengkap. Penulis menggunakan pelbagai sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder yang amat mencukupi.

Selain itu, penulis juga menyentuh tentang dasar kolonial British terhadap pendidikan yang lain seperti pendidikan vernakular Cina, pendidikan vernakular Tamil dan sekolah Inggeris di Tanah Melayu. Perbincangan yang mengikut kronologi yang tersusun dengan baik iaitu bermula dengan dasar kolonial British, pendudukan Jepun dan sehingga pencapaian kemerdekaan di Tanah Melayu. Tesis beliau dengan adanya

²³ Khairi bin Ariffin. (2009). *Dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu, 1900-1957*, PhD. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

kronologi yang lengkap telah memberi banyak manfaat dan ilmu pengetahuan kepada penyelidik mengenai sedikit sebanyak sejarah pendidikan vernakular pendidikan Cina di Tanah Melayu dengan jelas dan relevan.

Ramli Bin Saadon dalam tesisnya yang bertajuk *Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor, 1875-1957*²⁴ membincangkan dasar ataupun "policy" pelajaran yang diamalkan oleh pihak kerajaan kolonial British dengan teliti dan secara mendalam. Kajian beliau menghuraikan latar belakang sistem pelajaran di Negeri Selangor dan juga perjalanan sekolah vernakular sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dengan lengkap.

Seterusnya, dalam tesis beliau turut membincangkan secara terperinci dalam aktiviti program, dan rancangan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British dengan kurikulum pelajaran di sekolah vernakular Cina juga. Beliau berjaya mengemukakan pelbagai bukti mengenai perjalanan dasar pelajaran yang dilaksanakan di Tanah Melayu khususnya di Negeri Selangor. Tesis beliau juga menjelaskan mengenai pihak kerajaan kolonial British dalam menyediakan kewangan yang telah dibelanja bagi melancarkan perjalanan sekolah-sekolah vernakular Cina di Negeri Selangor. Selain itu, beliau juga banyak menggunakan sumber-sumber primer penting yang ditulis oleh pihak kerajaan kolonial British dengan terperinci dalam tesisnya. Kajian beliau turut membincangkan dan menerangkan dengan jelas mengenai dasar pelajaran dengan mengambil pelbagai dokumen bertulis dengan teliti dan lengkap.

²⁴ Ramli Bin Saadon. (2009). *Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor, 1875-1957*. PhD. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Sia Keng Yek dalam tesisnya yang bertajuk *Kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, 1956-2000*²⁵ membincangkan perwujudan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina semasa penjajahan pihak kerajaan kolonial British. Penulis juga membincangkan penjajahan British mengamalkan dasar *laissez-faire* dengan membiarkan tiap-tiap sistem persekolahan itu berkembang mengikut haluan masing-masing. Seterusnya, perbincangan juga menjurus kepada pembiayaan dan pembangunan fizikal sekolah Cina serta pengurusan dan pentadbiran fizikal sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang dilaksanakan di Tanah Melayu pada tahun 1956 hingga 2000 dengan jelas.

Selain itu, isu-isu yang timbul sejak sistem persekolahan Cina yang diperkenalkan di Negeri-Negeri Selat turut diterangkan. Namun begitu, penulis berfokus kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dalam sistem pendidikan, yang bermula pada tahun 1956 hingga tahun 2000. Akan tetapi, penulis juga menyentuh mengenai sistem persekolahan Cina dalam jangka masa sebelum dan selepas mencapai kemerdekaan dengan lengkap dan bersistematik. Manakala, beliau juga menjelaskan masa depan dan cabaran kedudukan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dengan baik dan menarik.

Namun begitu, beliau juga menggunakan pelbagai sumber-sumber dalam Bahasa Cina. Tesisnya yang hanya memfokuskan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sahaja dan tidak melibatkan sekolah menengah. Justeru itu, sumbangan beliau terhadap sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang mampu memberi penjelasan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penjelasan yang dibincangkan mengenai sekolah

²⁵ Sia Keng Yek. (2003). *Kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan 1956-2000*. PhD. Fakulti Sastera dan Sains sosial. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.



vernakular Cina. Tesis beliau merupakan bahan rujukan yang penting bagi penyelidik. Terdapat banyak maklumat yang boleh dapat daripada tesis penulis walaupun beliau hanya berfokus sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan pada tahun 1956 hingga tahun 2000.

Orang-orang Cina di Tanah Melayu yang ditulis oleh Victor Purcell; penterjemahan oleh Nik Hasnaa Nik Mahmood²⁶ membincangkan sejarah awal kedatangan orang-orang Cina di negeri-negeri Melayu sehingga selepas pendudukan Jepun yang bersifat secara kronologi dengan sangat jelas dan terperinci. Victor Purcell menyatakan bahawa orang Cina yang merupakan golongan paling awal datang ke Tanah Melayu yang terdiri daripada sami-sami Buddha, dan selepas baru pedagang datang perniagaan di Tanah Melayu. Walaupun, buku ini banyak membincangkan pelbagai aspek yang penting mengenai isu-isu agama orang-orang Cina di Tanah Melayu.

Namun, terdapat juga perbincangan terhadap hubungan antara pihak kerajaan kolonial British dengan orang Cina, pertubuhan kongsi gelap Cina, masalah sosial, buruh-buruh Cina serta penghijrahan, dan pertubuhan-pertubuhan politik di antara pada tahun 1911 hingga tahun 1941. Sebuah buku mengenai sejarah orang Cina di Tanah Melayu dengan mantap dan lengkap. Keistimewaan kehadiran orang-orang Cina di Tanah Melayu dijelaskan dengan teliti dan terperinci. Namun begitu, pendidikan vernakular Cina tidak banyak dibincangkan dalam bukunya. Tulisan Purcell Victor merupakan sebuah sumber buku yang amat bersesuaian sebagai rujukan asas bagi orang-orang Cina yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang maklumat nenek moyang orang Cina yang berada di Tanah Melayu sebelum pada tahun 1900. Penyelidik juga mendapat banyak maklumat

²⁶ Purcell Victor. (1997). *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. penterjemahan Nik Hasnaa Nik Mahmood, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.





daripada buku beliau yang dikatakan amat lengkap mengenai orang-orang Cina pada zaman kolonial British di Tanah Melayu sehingga selepas pendudukan Jepun.

The Political Of Chinese Education in Malaya 1845-1961,²⁷ tulisan Tan Liok Ee, pula banyak membicarakan mengenai sejarah perkembangan pendidikan orang Cina dalam pendidikan di negara Tanah Besar China dan juga di negara Tanah Melayu. Penulis menulis dasar pendidikan yang digunakan oleh pihak kerajaan kolonial British pada mulanya mendapat tentangan yang hebat oleh orang Cina. Namun begitu, dasar pihak kerajaan kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina tidak dapat membentuk satu dasar pendidikan yang dapat menjamin konsep bernegara sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Ketelitian perbincangan mengenai pendidikan vernakular Cina oleh beliau turut secara langsung atau tidak langsung membantu penyelidik mengkaji mengenai tentang maklumat yang berkenaan.



Dalam buku Tan Yao Sua yang bertajuk *Pendidikan Cina di Malaysia Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan*²⁸, penulis mendokumentasikan tekad usaha serta masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pendidik Cina dalam mempertahankan sistem pendidikan Cina di Malaysia. Penulis menonjolkan dilema yang dihadapi oleh kumpulan minoriti dalam membangunkan sistem pendidikannya. Masyarakat majmuk yang didokumentasi kumpulan majoriti yang berdasarkan wacana tentang peranan pendidikan sebagai alat pembinaan negara bangsa. Ruang lingkupnya mencakupi sejarah perkembangan, percaturan politik dan gerakan perjuangan.

²⁷ Tan Liok Eee. (1997). *The Political of Chinese Education in Malaya 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

²⁸ Tan Yao Sua. (2014). *Pendidikan Cina di Malaysia Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.





Selain itu, penulis turut menelusuri asal usul sejarah perkembangan pendidikan Cina sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan. Bukan itu sahaja, penulis juga membincangkan kedudukan pendidikan Cina dalam konteks penggubalan dasar bahasa dan pendidikan di Malaysia. Di samping itu, dari segi percaturan politik dan pendidikan, penulis juga membincangkan usaha pendidik Cina untuk memobilisasikan sokongan parti politik bagi mempertahankan sistem pendidikan Cina yang menerusi strategi perjuangan parti poitik. Bahagian yang seterusnya, penulis meninjau gerakan perjuangan pendidik Cina yang berkisar pada isu pengiktirafan bahasa serta isu perkembangan dan pembangunan sistem pendidikan Cina. Buku beliau membincangkan dan banyak menyumbangkan maklumat dan ilmu yang mengenai pendidikan Cina di Malaysia. Walau bagaimanapun, dasar British tidak dibincangkan dengan secara mendalam dalam buku beliau.



Seterusnya dalam buku yang lain yang ditulis oleh Tan Yao Sua, sebuah buku lagi yang bertajuk *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*²⁹ pula meninjau pengolahan politik yang berkisar pada perjuangan kumpulan pendidik Cina, menurut buku beliau Dongjiaozong telah mewujudkan satu sistem pendidikan vernakular Cina yang lengkap serta berautonomi di Semenanjung Malaysia demi mengekalkan bahasa, budaya, dan identiti etnik Cina bagi tempoh 1960-1982. Penulis membuat analisis perjuangan mengenai tuntutan Dongjiaozong terhadap penggubalan dasar bahasa dan dasar pendidikan kebangsaan yang mendukung konsep kepelbagaian bahasa dan budaya.

²⁹ Tan Yao Sua. (2005). *Politik Dongjiaozong dalam pendidikan vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.



Buku ini juga menunjukkan bahawa dalam proses pembinaan sebuah negara bangsa, kepentingan nasional yang mencerminkan kepentingan golongan majoriti mengatasi kepentingan golongan minoriti yang bersifat parokial. Walau bagaimanapun, buku tersebut menjelaskan penerangan dengan amat baik dalam pendidikan vernakular Cina, namun disebabkan tempoh yang difokus hanya di antara 1960 hingga 1982. Namun begitu, latar belakang sejarah pendidikan vernakular Cina dan dasar British tidak ada dibincangkan terutama pada zaman kolonial British di negeri Perak.

Philip Loh Fook Seng dalam bukunya *Seed of Separatism Educationak Policy in Malaya 1874-1940*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975 pula lebih mengutamakan perbincangan pendidikan di Tanah Melayu secara kronologi. Penulis memperlihatkan dengan jelas dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British di Tanah Melayu. Dasar British terhadap kaum-kaum utama yang wujud di Tanah Melayu pada ketika itu. Buku ini juga terdapat dasar-dasar pihak kerajaan kolonial British yang dikemukakan terhadap pendidikan vernakular Melayu, pendidikan vernakular Cina, pendidikan vernakular Tamil dan sekolah Inggeris.

Dalam kajiannya, penulis memfokuskan kajiannya kepada beberapa aspek utama pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British terhadap perkembangan pendidikan di bekas NNMB iaitu di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang. Penulis juga membahagikan perbincangan tentang sistem persekolahan di Tanah Melayu kepada dua peringkat perbincangan iaitu peringkat pertama antara tahun 1874 hingga tahun 1920 yang berkaitan dengan kemunculan empat sistem persekolahan.

Manakala, pada peringkat kedua antara tahun 1920 hingga 1940 yang membicarakan tentang politik dan dasar pendidikan pihak kerajaan kolonial di Tanah Melayu. Walaupun perbincangan oleh penulis yang tidak secara khusus terhadap pendidikan vernakular Cina dan jangka masa perbincangan adalah terhad. Tema perbincangan penulis yang masih relevan berkaitan dengan perkembangan dasar kerajaan kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina. Sebuah buku yang dapat menunjukkan sejarah perkembangan pendidikan di Tanah Melayu dengan jelas dan terperinci.

Selain itu, Sufean Hussin dalam bukunya *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993³⁰ pula melihat rentetan yang mengenai proses perkembangan pendidikan di Malaysia. Buku ini membincangkan secara kronologi sistem pendidikan yang muncul di Tanah Melayu sebelum merdeka dan sejarah perjalanan pendidikan di Tanah Melayu sehingga mencapai kemerdekaan. Penulis juga membicarakan sejarah perkembangan pendidikan yang wujud di Malaysia sebelum merdeka iaitu pada tahun 1600 sehingga 1900. Namun, jangka masa perbincangan yang agak panjang menyebabkan aspek dasar tidak dapat dibincangkan secara mendalam.

Oleh itu, pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British tidak dapat diuraikan dengan jelas. Selain itu, pendidikan di Malaysia melihat aspek sejarah, sistem dan falsafah dibincang secara deskriptif dan isu sistem pendidikan Malaysia diuraikan sehingga melalui perspektif matlamat dan cabaran sehingga masa kini. Namun begitu, terdapat sedikit sebanyak pendidikan dijelaskan secara umum pada zaman pemerintahan

³⁰ Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



British iaitu pada tahun 1800 hingga tahun 1956. Buku beliau membawa satu keringkasan yang keseluruhan am terhadap pendidikan di Malaysia yang melalui pelbagai perspektif yang berlainan dan pengetahuan yang baik. Buku beliau amat bersesuaian menjadi sumber buku rujukan yang asas khususnya menganai pendidikan di Malaysia.

Kajian oleh D.D Chelliah, *A Short History of The Educational Policy of The Straits Settlement 1800 to 1925*.³¹ Penulis memberikan perhatian terhadap dasar pendidikan pihak kerajaan kolonial British pada tahun 1800-1925, kajian beliau mengkaji suatu jangka masa yang agak panjang. Dalam kajian beliau membincangkan dasar pihak kerajaan kolonial British terhadap perkembangan sekolah vernakular yang terdapat di Negeri-negeri Selat. Kajiannya bersifat kajian dasar pendidikan secara umum di bawah dasar pihak kerajaan kolonial British dan tidak spesifik kepada pendidikan vernakular

Cina.



Dasar perbincangan yang dikaji oleh penulis adalah secara umum terhadap fenomena dan perkembangan pendidikan yang berlaku di NNS sahaja dan tiada negeri Perak yang dikaji oleh penyelidik. Di samping itu, asas-asas yang dibincangkan oleh penulis dapat memberi panduan yang berguna untuk membuat kajian penyelidikan juga. Namun begitu, kajian beliau turut sebagai rujukan yang baik bagi penyelidik mengenai dasar pihak kerajaan kolonial British di Tanah Melayu.

Dalam buku *Education in Malaya* tulisan oleh H.R. Cheeseman 1900-1941³² dalam Malayan Historical Journal Vol 2, Nombor 1, membicarakan perkembangan

³¹ Chelliah. D.D (1940). *A Short History of The Educational Policy of The Straits Settlement 1800 to 1925*.

³² Cheeseman.H.R. (1955). *Education in Malaya 1900-1941* dalam Malayan Historial Journal, Vol 2, Number 1, July 1955.





pendidikan yang dijalankan di Tanah Melayu. Penulis banyak memfokuskan sejarah pendidikan vernakular Melayu, pendidikan vernakular Cina, pendidikan vernakular Tamil dan sekolah Inggeris di NNMB yang dibawah pimpinan oleh pihak kerajaan kolonial British.

Dalam buku beliau juga membincangkan sejarah perkembangan pendidikan yang dilaksanakan di Tanah Melayu dengan lengkap dan jelas. Ini adalah kerana beliau mempunyai pengalaman secara langsung yang pernah terlibat melaksanakan dasar pendidikan di NNMB. Maka terdapat kebanyakan penulisannya adalah menjurus kepada usaha-usaha memberikan pendidikan kepada masyarakat di Tanah Melayu yang bersifat mengikut berbilang kaum. Penulisan beliau telah memberikan satu perkembangan pendidikan yang lengkap dan sebagai salah satu tinjauan literatur bagi penyelidik dengan dalam bukunya yang menceritakan dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British di NNMB.

Dalam buku tulisan Francis Wong Hoy Kee, Ee Tiang Hong yang bertajuk *Education in Malaysia*³³, banyak membicarakan aspek yang mengenai perkembangan pendidikan di Malaysia. Pelbagai masalah krisis perkembangan pendidikan di Malaysia turut dibangkit dan ditulis oleh penulis. Selain itu, aspek dasar-dasar pihak kerajaan kolonial British juga disentuh dalam melihat program yang dijalankan dalam mengembangkan pendidikan di Malaysia.

Penulis juga membincangkan pendidikan dan menjurus kepada bentuk masyarakat di Malaysia yang memerlukan dasar yang mantap dan kukuh. Perbincangan

³³ Francis Wong Hoy Kee, Ee Tiang Hong. (1971). *Education in Malaysia*. Kuala Lumpur, Singapore, Hong Kong : Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.



sekolah vernakular Cina hanya tersentuh sedikit sahaja dalam bahagian satu zaman British dalam buku mereka. *Francis Wong dan Ee Tiang Hong* mempersesembahkannya dengan luar biasa bukan sahaja dari aspek pendidikan sejarahnya tetapi juga mengemukakan cadangan-cadangan untuk pelbagai masalah pendidikan yang wujud berikutan dengan tertubuhnya negara Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian mengikut kronologi adalah baik tetapi juga didapati banyak aspek dasar yang khusus tidak dapat dibincangkan sepenuhnya dalam buku ini.

Dalam buku Kua Kia Soong yang bertajuk *The Chinese School of Malaysia*³⁴ penulis membincangkan banyak yang mengenai sekolah-sekolah Cina yang berkembang di Malaysia. Di samping itu, buku beliau juga membincangkan tentang dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kolonial British. Namun begitu, tidak semua dasar pihak kerajaan kolonial British terhadap sekolah-sekolah Cina dapat dibincangkan, hanya sedikit dasar sahaja yang disentuh. Penulis lebih memfokuskan sekolah-sekolah Cina di Malaysia dengan keseluruhan yang jelas dan bernas. Sebuah buku yang amat bersesuaian sebagai rujukan bagi penyelidik dalam mengkaji pendidikan vernakular Cina terutama mendalami dalam zaman kolonial British di Tanah Melayu.

Fong Chan Onn dalam bukunya *The Malaysian Economic Challenge in The 1990s: Transformation For Growth*³⁵ yang menyentuh mengenai dasar-dasar pihak kerajaan kolonial British dalam aspek pendidikan yang menyebabkan perbezaan di antara pelbagai kaum iaitu orang Melayu, Cina dan India di Malaysia. Namun, kebanyakan pandangan ataupun interpretasi beliau adalah menjurus kepada sudut politik sahaja.

³⁴ Kua Kia Soong. (1985). *The Chinese School of Malaysia, A Protean Saga, United Chinese School Committees Association of Malaysia*.

³⁵ Fong Chan Onn. (1989). *The Malaysian Economic Challenge in The 1990s: Transformation For Growth*. Singapore: Longman.



Oleh itu, menurut beliau perkembangan dasar pendidikan adalah kerana kepentingan politik bagi pihak kerajaan kolonial British. Selain itu, penulis juga menjelaskan bahawa orang Cina menggunakan semua sumber bahan-bahan buku mereka adalah dari negara asal Tanah Besar China dan mewujudkan sekolah vernakular Cina tersendiri. Menurut penulis dasar pendidikan pihak kerajaan kolonial British membawa keuntungan kepada orang Cina kerana sistem sekolah Inggeris yang banyak terdapat di kawasan bandar telah menjadi kawasan perlombongan dan juga menyebabkan ramainya orang Cina dapat mengikuti sistem pendidikan Inggeris berbanding dengan orang Melayu yang berada di kawasan desa. Di samping itu, sekolah vernakular Cina pada mulanya tidak dikawal oleh pihak kolonial British tetapi akhirnya diletakkan di bawah kawalan pihak kerajaan kolonial British pada tahun 1920-an dan banyak sekolah Cina telah menerima dalam bentuk "*grant-in-aid*" apabila sekolah tersebut mendaftar dengan pihak kerajaan kolonial British.



Haris Md. Jadi dalam bukunya *Etnik, Politik Dan Pendidikan*³⁶ menganalisis perkembangan pendidikan Persekutuan Tanah Melayu di antara 1955-1970. Fokus buku beliau adalah terhadap perkembangan pendidikan Persekutuan Tanah Melayu yang membawa pada pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Namun begitu, pendidikan Tanah Melayu dalam perspektif sejarah dibincangkan dalam Bab 1, pembincangan kemunculan sistem persekolahan disentuh dengan pendidikan bagi masyarakat pendatang iaitu orang Cina di Tanah Melayu.

Dalam buku beliau, Laporan Razak turut dibincangkan dalam sistem pendidikan selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Di

³⁶ Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, Politik Dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.





samping itu, hanya terdapat sedikit maklumat dalam perbincangan pendidikan vernakular Cina di negeri Perak khasnya. Dasar dan amalan penjajah yang merupakan satu retrospek yang dibincang dengan tidak lengkap dan kurang maklumat dalam bahagian ini.

Dalam buku Paul Chang Ming Phang yang bertajuk *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilangan Kaum: Kajian Kes Malaysia*³⁷, membicarakan mengenai pelajaran di Singapura dan Malaysia yang merupakan negara-negara yang sedang membangun yang sama-sama mewarisi peninggalan penjajah British. Penulis membincangkan tiga bahagian tempoh yang penting dalam bukunya iaitu bahagian satu mengenai tempoh perkembangan awal ialah di antara pada tahun 1786 hingga 1942 bagi sistem sekolah yang berbilang bahasa. Bahagian kedua pula menyentuh tempoh sebelum merdeka ialah pada tahun 1945 hingga 1957 dengan mengenali dan membincangkan beberapa masalah yang terdapat dalam pelaksanaan suatu dasar pelajaran kebangsaan.

Di samping itu, bahagian terakhir ialah tempoh selepas merdeka ialah pada tahun 1957 hingga 1967 menunjukkan beberapa aliran besar perkembangan pelajaran. Dalam buku beliau membincangkan perkembangan sistem sekolah-sekolah vernakular yang berbilang kaum dan bahasa dalam perkembangan empat sistem vernakular sekolah dengan jelas dan lengkap. Beliau menjelaskan latar belakang sekolah vernakular Cina dengan jelas dan menyentuh dasar penjajah British. Terdapat banyak maklumat penting yang boleh dapat daripada bukunya untuk mengenali pendidikan di Malaysia.

³⁷ Paul Chang Ming Phang. (1975). *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum Kajian Kes Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing, dan Saedah Hj. Siraj dalam buku yang berjudul *Pendidikan Di Malaysia*, 1993³⁸ membincangkan peranan pendidikan di dalam pembangunan negara, pendidikan dan Rancangan Pembangunan Malaysia. Selain itu, dalam buku juga membincangkan mengenai sejarah perkembangan pendidikan dari zaman sebelum British (sebelum tahun 1824) sehingga zaman selepas merdeka (selepas 1957). Selain itu, perbincangan mengenai sistem pentadbiran pendidikan iaitu daripada peringkat pusat hingga ke peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, buku ini membincangkan terlalu banyak sub topik iaitu sehingga 11 sub tapik. Namun, buku ini hanya membincangkan secara umum sahaja dan tidak banyak maklumat yang dapat jumpai terutama pendidikan vernakular Cina.

Yen Ching-hwang dalam bukunya *A Social History of The Chinese in Singapore and Malaya 1800-1911*,³⁹ membicarakan satu bab yang berkaitan dengan pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Latar belakang orang Cina yang datang ke Tanah Melayu dan Singapura pula mulanya tidak sangat menghiraukan soal budaya mereka. Menurut penulis kedatangan para pendidik dari negara Tanah Besar China dan juga anggapan orang Cina yang berada di luar negara Tanah Besar China juga adalah rakyat China. Ini dapat dijelaskan bahawa orang Cina mementingkan idea dan budaya mereka dan sekolah-sekolah Cina pula dijadikan wadah bagi mengembangkan budaya Cina. Selain itu, dasar pendidikan pihak kerajaan kolonial budaya yang disentuh hanyalah menjurus kepada aspek kawalan terhadap sekolah-sekolah Cina dan orang Cina pula menganggap tindakan ini sebagai terancam atau menghapuskan budaya masyarakat Cina.

³⁸ Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing, dan Saedah Hj.Siraj.(1993). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

³⁹ Yen Ching-hwang. (1986). *A Social History of The Chinese in Singapore and Malaya 1800-1911*, Oxford University Press.



Dalam buku beliau juga menjelaskan pendidikan Cina dan hal-hal yang berkaitan tradisi Cina dengan jelas dan baik.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan oleh penyelidik tertumpu kepada kaedah kualitatif dengan menekankan analisis dokumen serta manuskrip dalam membuat tinjauan dan ulasan yang komprehensif. Di samping itu, analisis dokumen terhadap dokumen primer dan sumber sekunder yang relevan dengan tema tesis ini. Penyelidik juga akan mengutip data-data daripada sumber primer ialah dokumen "*Colonial Office*" dan sumber sekunder yang menenainya dengan tema yang relevan.



Selain itu, penyelidik juga mengunjungi perpustakaan seperti Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Perak, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Zab' Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awan Negeri Perak, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Muzium Negara, dan Perpustakaan Muzium Matang, Taiping.

Dalam usaha penyelidikan kajian ini, sumber primer memainkan peranan yang sangat penting. Ini adalah kerana sumber primer penting bagi mendapatkan maklumat dan data-data yang tepat dan asli. Sumber-sumber utama tersebut termasuklah "*Colonial Officer*" fail-fail kerajaan seperti *Perak State Council (Minutes)*, *Perak Government Gazette*, *Kinta Land Office*, *Federated Malay States Gazette*, *Annual Report of*



Federated Malay States, Annual Report Perak, Annual Report of Education, Colonial Office -C/O, memorandum iaitu dokumen yang merakamkan syarat-syarat perjanjian.⁴⁰

Di samping itu, sumber-sumber primer juga didapati dalam bentuk mikrofilem yang terdapat di Arkib Negara Malaysia dan juga Perpustakaan Universiti Malaya.

Manakala sumber sekunder yang dikumpul seperti buku, artikel, kertas kerja seminar, tesis, koleksi keratin khabar dan majalah sekolah. Memandangkan penulisan ini merupakan satu kajian sejarah, maka penyelidik akan menentukan metodologi atau kaedah kajian yang sesuai dan praktikal serta berkesan bagi memastikan objektif dan matlamat kajian ini akan tercapai. Penekanan kepada pensejarahan yang berpandukan kepada sumber khasnya.

Segala interpretasi adalah berdasarkan kekuatan bahan yang dibaca khususnya *Colonial Office* dari Arkid Negara Malaysia dan juga Perpustakaan Universiti Malaya.

Segala bahan yang diperolehi disimpan dalam bentuk *fotocopy* ataupun dalam kamera digital dan disalin semula oleh penyelidik. Terdapat juga fail yang hanya boleh dibaca tetapi tidak dibenarkan membuat salinan oleh pihak Arkib Negara Malaysia. Terdapat juga fail-fail yang berkaitan dengan dasar pendidikan yang masih ditutup atas sebab-sebab tertentu.

⁴⁰ Kamus Dewan. (2010). edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



1.10 Definisi Istilah

Pendidikan memainkan peranan penting sebagai agen perubahan yang dapat membentuk individu yang peka dan cekap dalam proses pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan merupakan proses mengubah seseorang bagi membolehkannya menyesuaikan diri dari segi fizikal, mental, emosional, moral serta kerohanian kepada keadaan semasa dan setempat bagi menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang sama ada politik, ekonomi maupun sosial. Pendidikan merupakan suatu eleman yang paling penting untuk membangun, memajukan negara dan menyediakan tempat guna tenaga kepada negara.

Definisi pendidikan vernakular yang dilaksanakan oleh pihak penjajah kerajaan

kolonial British yang mengasingkan kaum yang mengikut aliran bahasa pengantar Melayu, Cina dan Tamil dan di sekolah yang berlainan. Pentadbiran pihak kerajaan kolonial British adalah mengikut *laissez faire*. Dan sekolah-sekolah terpaksa mengendalikan secara bersendirian, menerusi sumbangan golongan yang berada kerana sekolah vernakular Cina tidak dibawah selia oleh pihak kerajaan kolonial British.

Orang Cina pula mengambil inisiatif sendiri untuk menubuhkan sekolah vernakular Cina yang tersendiri tanpa dibantu oleh pihak kerajaan kolonial British.⁴¹ Jelas terbukti bahawa sekolah-sekolah vernakular yang diasingkan mengikut kaum dan bahasa pengantar telah dilaksanakan oleh kerajaan kolonial British pada zaman kolonial British. Keadaan sebegini boleh dikatakan mendapat membezakan di antara setiap kaum terasing dan terpencil dan juga mudah dikawal oleh pihak kerajaan kolonial British.

⁴¹ Paul Chang Ming Phang. (1975). *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum Kajian Kes Malaysia*. hlm.18.





Definisi untuk kolonial pula bermaksud yang bersifat jajahan iaitu sesuatu kawasan yang dijajah ia termasuk dalam satu pentadbiran, penajah yang menjajah sesebuah negara dan penjajahan tentang perihal atau perbuatan menjajah sesebuah negeri atau kawasan lain.⁴² Apabila negeri Perak dijajahi oleh pihak kerajaan kolonial British, maka pendidikan telah bertujuan untuk mengekalkan penjajahan British. Demi mencapai matlatmat pihak kerajaan kolonial British mengamalkan pendidikan vernakular yang diberikan mengikut kaum masing-masing demi memperolehi peluang pekerjaan setakat boleh memenuhi jawatan-jawatan dalam bidang pekerjaan yang perlu diisi oleh orang tempatan sahaja demi dapat melicinkan pentadbiran negara yang dijajah.

1.11 Pembahagian Bab



Bagi aspek pembahagian bab, tesis ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama menyentuh tentang pengenalan tesis dengan kajian sejarah pendidikan vernakular Cina Zaman Kolonial British di negeri Perak, 1900-1941. Kajian bab satu ini merupakan bahagian pengenalan pada isu-isu yang penyelidik memberikan tumpuan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, definisi istilah dan pembahagian bab yang memberi gambaran awal terhadap penyelidikan ini yang dilaksanakan oleh penyelidik. Ia merupakan gambaran awal yang dapat menjelaskan dengan secara ringkas mengenai tajuk yang dikaji oleh penyelidik.

⁴² Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.hlm.806.





Dalam bab kedua, penyelidik mengkaji latar belakang dan perkembangan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak khususnya adalah di antara tahun 1900 hingga 1941. Kajian ini adalah meninjau dari aspek latar belakang kedatangan orang Cina ke negeri Perak, pendidikan vernakular Cina di negeri Perak, Perkembangan Sekolah Vernakular Cina dan struktur pendidikan vernakular Cina di negeri Perak pada zaman kolonial British, 1900 hingga 1941.

Dalam bab ketiga kajian ini menganalisis dasar pihak kerajaan kolonial British terhadap pendidikan vernakular Cina di negeri Perak bagi tempoh masa ialah pada zaman kolonial pemerintahan British iaitu antara tahun 1900-1941. Bagi menganalisis dasar-dasar ini, kajian memberikan fokus kepada dasar British di negeri Perak secara kronologi dengan bantuan kewangan perkapita murid sekolah vernakular Cina. Pihak kerajaan kolonial British juga menubuhkan sebuah pertubuhan jabatan pelajaran dan diawasi oleh seorang pengawai British. Selain itu, pengaruh ideologi komunis yang anti-penjajah British semakin merebak serius dan berlaku di negeri Perak.

Dalam bab yang seterusnya bab keempat ialah menjelaskan infrastruktur dan pengurusan sekolah vernakular Cina di negeri Perak iaitu di antara pada tahun 1900 sehingga 1941. Kajian menfokuskan kepada aspek sistem pentadbiran sekolah vernakular Cina. Kajian bab empat juga mengenali dan menjelaskan beberapa perkara yang terdapat dalam pelaksanaan pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British. Penjelasan adalah mengenai dari segi kewangan sekolah vernakular Cina, bangunan sekolah vernakular Cina dan pusat latihan guru sekolah vernakular Cina di negeri Perak antara pada tahun 1900 hingga 1941.





Seterusnya, dalam bab yang kelima pula adalah membincangkan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah vernakular Cina yang bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941 di negeri Perak. Kajian bab lima ini, penyelidik mengkaji dari segi kurikulum sekolah vernakular Cina, bahasa pengantar sekolah vernakular Cina, buku teks sekolah vernakular Cina dan tenaga pengajar atau guru sekolah vernakular Cina di negeri Perak yang bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941.

Akhirnya, bab keenam merupakan bab kesimpulan suatu penilaian dan penemuan menyeluruh terhadap pendidikan vernakular Cina pada zaman kolonial British di negeri Perak pada tahun 1900 hingga 1941. Kesimpulan ini merupakan bab penutup dalam kajian tesis ini yang merangkumi kajian yang diperoleh dari setiap bab yang dikaji dan diperolehi oleh pengkaji.

